

12/11/1999

Pengundi puji keprihatinan PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Syarimie Wosley

KOTA BHARU, Khamis - Beberapa pengundi menyokong pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pilihan raya yang diadakan sebelum Ramadan dapat mengelak kegiatan kempen yang boleh mencemar kesucian bulan puasa.

Langkah itu kata mereka menunjukkan keprihatinan Dr Mahathir yang ingin memastikan kempen pilihan raya kali ini diadakan secara baik.

Lokman Mohd Hussin, 46, berkata biasanya kempen pilihan raya setiap parti tidak boleh terlepas daripada menggunakan perkataan kesat dan maki hamun dalam usaha memburuk-burukkan pihak lawan.

Beliau berkata, perbuatan itu tidak sesuai dilakukan ketika umat Islam lain sedang beribadat seperti sembahyang dan sembahyang sunat Tarawih.

"Keprihatinan kerajaan dalam menjaga kesucian dan memartabatkan Ramadan yang mulia itu dari perkara yang tidak sihat seperti mencarut, fitnah, maki-hamun patut diberi pujian," katanya.

Dr Mahathir dalam sidang akhbarinya semalam, berkata pilihan raya itu diadakan sebelum Ramadan bagi mengelak kegiatan kempen yang boleh mencemar kesucian bulan puasa.

Pengusaha restoran, Ridzuan Mamat, 30, berkata keputusan Perdana Menteri itu tepat dan wajar.

"Ramadan seharusnya dipenuhi amal ibadat dan bukannya untuk memaki hamun atau menabur fitnah.

"Pada bulan itu juga masjid dan surau dapat digunakan untuk kegiatan ceramah agama bukan tempat berkempen, membuat fitnah dan mencarut," katanya.

Penolong Pengurus, Izzudin Mohamad Razali, 22, berkata, Perdana Menteri dengan jelas mahukan suasana pilihan raya kali ini diadakan dalam keadaan harmoni dan tidak menjejaskan kesucian agama Islam.

"Umat Islam dapat menjalankan ibadat mereka dengan sempurna tanpa mencampuradukkan agama dengan politik," katanya.

Di ALOR STAR, Pengurus Jualan syarikat komputer, Azimi Ismail, 47, mengalu-alukan keputusan itu.

"Walaupun pilihan raya tidak diadakan dalam bulan puasa, tidak bermakna mereka yang berkempen boleh bertindak sesuka hati," katanya.

Eksekutif Jualan, Noor Azmira Abdullah, 23, yang bakal mengundi buat pertama kali berharap semua parti menghormati undang-undang dan tidak berkempen secara keterlaluan sehingga boleh menimbulkan ketegangan.

"Fitnah, mengutuk dan pelbagai tindakan keterlaluan perlu dielakkan sesuai dengan budaya masyarakat Malaysia," katanya.

Suri rumah, Rozita Md Lazim, 27, pula berkata walaupun pilihan raya kali ini dikatakan paling hebat, semua parti perlu mengelakkan suasana yang boleh menimbulkan kejadian buruk.

Menurutnya, walaupun calon biasanya menunjukkan sikap positif, ada penyokong yang kadang kala bertindak keterlaluan sehingga mengetepikan undang-undang.

Justeru, pemimpin parti harus lebih bertanggungjawab memastikan ahli dan penyokong mereka berdisiplin.

(END)